



UUM ONLINE: Persatuan Staf Akademik Universiti Utara Malaysia (PERSATU) disaran perjuangkan kecemerlangan akademik selain daripada kebajikan staf.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak menyarankan PERSATU memainkan peranan untuk menyampaikan maklumat kepada ahlinya mengenai tawaran-tawaran yang diperkenalkan oleh pihak universiti untuk pensyarah melanjutkan pengajian atau membentangkan kertas kerja melalui seminar-seminar sama ada di dalam atau luar negara.

"Peluang yang diberikan kepada tenaga akademik kini jauh lebih baik dan banyak daripada ketika saya menjadi Setiausaha PERSATU 1989/90,"ujarnya.

Oleh itu beliau berharap tenaga akademik ini akan merebut peluang yang diberikan termasuk bersiap sedia untuk melakukan transformasi terutama dalam meletakkan universiti ini terbaik 500 didunia, 100 terbaik di Asia atau 25 terbaik di Asia Tenggara.

"Bagi meletakkan kita terbaik seperti di atas adalah bukan mustahil sekiranya semua warga UUM bekerjasama kerana perancangan telah dilakukan termasuk meletakkan kekuatan dalam Top Business School dibawah *UUM College of Business (UUM COB)*," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung PERSATU kali ke 24 di Dewan Seminar Pusat Konvensyen, UUM.

Sempena majlis perasmian mesyuarat agung itu, beliau berharap pemilihan terbaik dilakukan bagi memimpin PERSATU.

Dalam pada itu, Prof. Dr. Hassan Ali telah dilantik sebagai Presiden PERSATU bagi sesi 2010/2011 dalam mesyuarat itu.

Manakala, jawatankuasa lain ialah Timbalan Presiden, Dr. Chek Derashid, Setiausaha Dr. Fuziah Shaffie, Penolong Setiausaha Mohd Fuad Othman, Bendahari Dr. Ram Al Jafri, Editor Kehormat Dr. Zainol Bidin dan senarai exco pula ialah Dr. Razli Che Razak, Dr. Kamil Idris, Dr. Razamin Ramli, Dr. Chandrakantan Subramaniam serta dua Juruaudit Dr. Anggapan dan Dr. Siti Aznor Ahmad.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT